

DRAF

TEKS UCAPAN

SEMPENA GOTONG-ROYONG PERDANA 5S PEJABAT

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Bismillah Hirrahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera.

Saudara Pengacara Majlis,

Ketua Bahagian/Unit,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul pada petang ini bagi bersama-sama menjayakan program Gotong-Royong Perdana 5S Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak urusetia atas kesudian menjemput saya pada petang ini. Sesungguhnya, saya amat berbangga sekali dengan seluruh kakitangan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis atas komitmen dan semangat kerjasama yang dipamerkan dalam misi kita semua untuk menjayakan program pada petang ini.

AMALAN 5S

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

3. Seperti mana kita semua ketahui ketahui, 5S berasal daripada lima perkataan Jepun iaitu ***Seiri (Sisih), Seiton (Susun), Seiso (Sapu), Seiketsu (Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal)***. Amalan 5s ini merupakan amalan budaya daripada masyarakat Jepun, dengan fokus untuk mewujudkan persekitaran yang berkualiti di sesebuah organisasi dan menerapkan semangat untuk penambahbaikan berterusan.

4. Saya percaya, dengan adanya amalan 5s, maka pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis akan lebih cepat, cekap dan berkesan dan seterusnya meningkatkan kepuasan pelanggan. Dalam kesempatan ini juga, suka saya mengingatkan kepada semua kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Ps) untuk **memahami intipati dan maksud kelima-lima amalan 5S** tersebut iaitu:-

- i. **Sisih** yang bermaksud mengasingkan barang/dokumen yang tidak diperlukan di tempat kerja untuk disisih dan dilupuskan secara sistematik;
- ii. **Susun** iaitu memastikan barang-barang yang diperlukan diletakkan secara teratur dan sistematik supaya ianya mudah diambil dan dikembalikan ke tempat setelah digunakan;
- iii. **Sapu** pula adalah bermakna membersihkan dan memeriksa tempat kerja secara berkala dan menyeluruh supaya tiada habuk atau kekotoran di atas lantai, mesin dan peralatan serta persekitaran kerja kita secara keseluruhan;

- iv. **Seragam** pula memberi penekanan dalam mengekalkan tahap piawaian penyusunan tempat kerja yang tinggi melalui kebersihan dan kekemasan pada setiap masa; dan
- v. **Sentiasa Amal** iaitu peringkat menjadikan amalan 5S ini sebagai satu amalan dan budaya berterusan setiap kakitangan dalam mematuhi sistem persekitaran berkualiti.

5. Suka saya tekankan sekali lagi betapa pentingnya Amalan 5S ini **difahami dan diamalkan selalu**, memandangkan kesan jangka panjang yang akan terhasil amatlah baik. Sesungguhnya, amalan 5S ini memerlukan komitmen yang padu dan kerjasama yang menyeluruh dari seluruh peringkat kakitangan dalam usaha kita memantapkan lagi prestasi organisasi.

6. Hasilnya, pada petang ini, kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini bagi menjayakan Gotong-Royong Perdana sempena Amalan 5s. Sesungguhnya, Gotong-

Royong Perdana merupakan terjemahan daripada Amalan Persekitaran Berkualiti 5S bagi melahirkan persekitaran yang menarik, yang secara tidak langsung dapat membantu kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti dan berkesan, di samping menguatkan jati diri dan hubungan antara kita semua.

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang 'turun padang' bagi memastikan Gotong-Royong Perdana sempena Amalan 5S ini berjaya.

8. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan Perkhidmatan Awam umumnya, dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, khususnya, diberkati dan mencapai matlamatnya.

Sekian.

***Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***